



PENGURUSAN PEMANTAUAN KERATAN AKHBAR MBSJ
TARIKH: 16 MEI 2025 (JUMAAT)

ISU/ADUAN

BIL	AKHBAR	TAJUK	TINDAKAN JABATAN
1.	THE STAR	BANDAR PUCHONG JAYA SPEED BUMP TOO HIGH TO HANDLE, SAY MONOTORISTS	KEJURUTERAAN

LAIN-LAIN PBT

BIL	AKHBAR	PBT	TAJUK
1.	THE STAR	MBPJ MBSA MPS MPAJ DBKL	- MBPJ MATTERS - MBSA FREE CONCERT - SEPANG CAR-FREE DAY - SELAYANG RATEPAYERS WHO SETTLE BILLS EARLY WILL RECEIVE FREE RUBBISH BINS - E-SPORTS TOURNEY - TWO – WAY TRAFFIC AFFECTING BUSINESS ON KL ROAD

UMUM

BIL	AKHBAR	TAJUK
1.	THE STAR	CIVIL SERVANTS APPLY FOR WFH DURING ASEAN SUMMIT
2.	SINAR HARIAN	- SULTAN SELANGOR TINDAKAN TEGAS TERHADAP PEMANDU, SYARIKAT CUI - SKIM JAMINAN AIR MENTAH PERKUKUH OPERASI LOJI RAWATAN AIR - PEMATUHAN SYARIAH, HALAL DI TAHAP SEDERHANA - JAS TAHAN 38 KONTENA BERISI E-WASTE - MEMBANGUN DEMOKRASI PELBAGAI KAUM, MODERAT - MALAYSIA TERIMA ANUGERAH PINJAMAN WANITA TERBAIK - CABARAN GURU DIDIK MURID GEN ALFA - GURU GENERASI Z MENGAJAR GUNA TEKNOLOGI MODEN
3.	KOSMO	TARIK LESEN PEMANDU KENDERAAN PAKAILA LAUT
4.	HARIAN METROI	- TUNGGU TANDANTANGAN MB SELANGOR - AMBIL PERHATIAN SERIUS NAHAS BABIT KENDERAAN BERAT
5.	BERITA HARIAN	SULTAN SELANGOR TITAH AMBIL TINDAKANTEGAS TERHADAPPEMANDU, SYARIKAT
6.	UTUSAN MALAYSIA	- PENAJARAKAN PEMANDU, HUKUM SYARIKAT JIKA SALAH – SULTAN SELANGOR - MANGSA PENGABAIAAN BERISIKO DUA KALI GANDA HADAPI MENTAL
7.	NEW STRAITS TIMES	- SELANGOR RULER WANTS STIFFER ACTION - MALAYSIAN HOSPITALS AMONG WORLD'S BEST - SSPA TO RETAIN MONTHLY PAYMENTS - CAN YOU PERFORM UNDER PRESSURE? - RAISING PEOPLE'S LIVING STANDARDS
8.	THE SUN	- STRICTER HEAVY VEHICLE RULES: S'GOR SULTAN - GOVT STRENGTHEN YOUTH INITIATIVES SAYS DPM

Bandar Puchong Jaya speed bump too high to handle, say motorists

By MEGAT SYAHAR



The new speed bump along Jalan Tempua 2 in Bandar Puchong Jaya is receiving flak.

A SPED bump at Taman Tempua 2 in Bandar Puchong Jaya, Selangor, has upset motorists who claim it exceeds the standard height.

They also claimed that the high speed bump had damaged their vehicles.

Jalan Tempua 2, about 950m long, has eight speed bumps, including the latest one.

Resident Kurt Low, who drives a sports car, said his undercarriage was scratched by the new speed bump.

"It also wears out the suspension and shortens the lifespan of the car," he said.

Another resident, Yoon Meng Piew, said his car had experienced minor damage.

Taman Tempua Residents Association chairman Alan Chan said they had highlighted the matter to Subang Jaya City Council (MBSJ) Zone 10 councillor Ng Seow Chen.

"We reached out to check whether the speed bump was built according to the standard height," said Chan.

During a site visit, StarMetro noticed that seven other speed bumps were lower compared to the new one.

MBSJ did not respond to queries on the matter as at press time.

THE STAR ONLINE

TARIKH: 16 MEI 2025



The new speed bump along Jalan Tempua 2 in Bandar Puchong Jaya is receiving flak.

Bandar Puchong Jaya speed bump too high to handle, say motorists

Story and photo
by MEGAT SYAHAR
megatsyahr@thestar.com.my

A SPEED bump at Taman Tempua 2 in Bandar Puchong Jaya, Selangor, has upset motorists who claim it exceeds the standard height.

They also claimed that the high speed bump had damaged their vehicles.

Jalan Tempua 2, about 950m long, has eight speed bumps,

including the latest one.

Resident Kurt Low, who drives a sports car, said his undercarriage was scratched by the new speed bump.

"It also wears out the suspension and shortens the lifespan of the car," he said.

Another resident, Yoon Meng Piew, said his car had experienced minor damage.

Taman Tempua Residents Association chairman Alan Chan said they had highlighted the mat-

ter to Subang Jaya City Council (MBSJ) Zone 10 councillor Ng Seow Chen.

"We reached out to check whether the speed bump was built according to the standard height," said Chan.

During a site visit, *StarMetro* noticed that seven other speed bumps were lower compared to the new one.

MBSJ did not respond to queries on the matter as at press time.

THE STAR

Tarikh: 16 MAY 2025.....

S'GOR WESAK DAY EVENT

Selangor's Wesak Day celebrations will take place at Maha Karuna Vihara in Shah Alam from 9am to 1pm on May 17. All are welcome.

SEPANG CAR-FREE DAY

Sepang Municipal Council will be having its car-free day at Serenia City Central Park from 7am to 11.30am on May 17. In addition to a fun walk, there will be produce sales from community gardens, parrot show, bouncy castle, fitness sessions and children's colouring contest.

MBSA FREE CONCERT

In conjunction with its silver jubilee celebrations, Shah Alam City Council (MBSA) is inviting the public to an evening of art and cultural performances at Taman Warisan Melayu in Shah Alam Lake Garden on May 17, 4pm-7pm. In addition to silat and gambus-making demonstrations, there will be keroncong, dikir barat, cak lempeng, kompong and zapin performances. Free cendol, traditional Malay kuih, lemang, rendang and drinks will be served.

ARTEFACT DONATION

Those interested in donating artefacts owned either by themselves, family members or an organisation to the National Archives can have them brought to Klang Royal City Council (MBDK) building in Jalan Tengku Kelana from 11am to 5pm on May 17 for consideration. For details, call the Personal Artifacts Section at 03-6209 1829 or email spapr@arkib.gov.my.

ART EXHIBITION

Soka Gakkai Malaysia (SGM) is organising "Ethereal Echoes: Sketches and Recent Works by Lai Loong Sung", a solo exhibition showcasing the four-decade journey of the Malaysian artist. This exhibition will be held at Wisma Kebudayaan SGM, Jalan Bukit Bintang, Kuala Lumpur till June 8, Opens 11am-5pm. Admission is free. For details, call 03-2141 2003.

MBPJ MATTERS

> Petaling Jaya City Council (MBPJ) welcomes qualified community organisations to apply for its Neighbourhood Security Team programme to create a safe and sustainable city. Visit pkpj.mbpj.gov.my to apply. The deadline is May 23.
> MBPJ is offering an assessment rebate scheme to encourage homeowners to adopt eco-friendly practices with a full rebate or RM500 discount, whichever is lower. Applications are open until June 30. For details, visit www.mbpj.gov.my
> Application is open for Petaling Jaya Social, Environment and Economy Development (PJ SEED) community grant by Petaling Jaya City Council (MBPJ) until May 30. For details, visit <https://rb.gy/d22yfh>

E-SPORTS TOURNNEY

Ampang Jaya Municipal Council (MPAJ) will hold a PSS FC25 tournament on May 25 at Padang Perbandaran MPAJ Pandan Indah during its car-free day. Registration fee is RM30. Register at <https://shorturl.at/r1BaM> or call 013-337 0961 for details.

THE STAR

16 MAY 2025

Tarikh:.....

Selayang ratepayers who settle bills early will receive free rubbish bins

RATEPAYERS in Selayang who paid up their 2025 assessment tax in full have been presented with mobile rubbish bins.

Selayang Municipal Council (MPS) handed over the bins, referred to as MGB, to eligible ratepayers during a ceremony at its headquarters in Bandar Baru Selayang, Selangor.

"MPS provided a free 80-litre MGB each to eligible taxpayers as an encouragement and in appreciation of their commitment to the council's development," said MPS Corporate Department in

a media statement.

"This initiative follows the implementation of the assessment tax rate review for 2025, which was approved by the state government last year and came into effect this year," it added.

MPS president Shahman Jalaludin said the provision of mobile rubbish bins was not only a token of appreciation, but to also instil good hygiene practices.

"The culture of maintaining cleanliness starts at home, and with this facility we can further strengthen the role of the

community in creating a clean, healthy and sustainable environment," he said in his speech.

Fifty MGBs were presented at the ceremony.

A total of 4,524 units will be distributed to eligible ratepayers in stages until May 31.

The deadline for assessment tax payment was Feb 28 for the first half of the year and Aug 31 for the second half.

For enquiries, call MPS revenue division at 03-6126 5961/5963 or visit www.mps.gov.my



Shahman (centre) presenting an MGB to a ratepayer while MPS deputy president Az'har Samsuri (right) looks on.

THE STAR

16 MAY 2025

Tarikh:.....

By LEW GUAN XI
lewguanxi@thestar.com.my

LOCALS are calling for Jalan 9/32 of Taman Jinjang Baru in Kepong, Kuala Lumpur, to be converted into a one-way street to improve traffic condition in the commercial area.

Social activist Yee Poh Ping said traffic on the 300m-long street had worsen over the last two years as more businesses opened up in the area.

"These shops, along with a new convenience store, has caused an increase in the number of vehicles using the road.

"Lorries tend to double-park to load or unload their goods, occupying one of the two lanes on the road.

"When vehicles come up against those from the opposite direction, there is a traffic standstill as neither driver wants to

Two-way traffic affecting business on KL road

Taman Jinjang Baru traders submit memorandum requesting change on Jalan 9/32

give way.

"If the road is converted into one way, traffic can be eased as cars will have space to pass through even if lorries stop for a long time to load or unload their goods," he said in a press conference.

Yee said there were about 30

shops operating along the road.

A check by *StarMetro* found parking bays marked out on both sides of the road, considerably narrowing the space available for vehicles to pass through.

Lam Kong Ming, who runs a hardware shop there, said the current traffic flow had badly

affected his business.

He said his customers could not stop briefly to pick up needed items and they could not find parking space either.

"Some people in the area work until late at night and their vehicles occupy the parking bays the whole day," he said.

He added that Kuala Lumpur City Hall (DBKL) had carried out enforcement against double-parking and warned lorry drivers.

Yee said he had submitted a memorandum, signed by 20 business owners, to DBKL on May 2, asking for Jalan 9/32 to be made a one-way street.

"We hope DBKL will consider coming for a site visit," he said.

DBKL has not responded to queries on the matter as at press time.



Locals say Jalan 9/32 in Taman Jinjang Baru is too narrow for two-way traffic, which is made worse by lorries stopping to load or unload goods.



Lam (left) and Yee discussing the traffic situation and possible solutions.

THE STAR

16 MAY 2025

Tarikh:.....

Civil servants apply for WFH during Asean Summit

KUALA LUMPUR: Several ministries, departments and government agencies have started receiving work from home (WFH) applications from civil servants in view of the Asean Summit at the end of this month.

Public Service Department (PSD) director-general Tan Sri Wan Ahmad Dahlan Abdul Aziz did not reveal the number of applications but noted that some had already been approved.

"What's important is that civil servants must submit their applications to their respective heads of department (HODs), who must then verify whether the road closures will actually affect the

officers' commute, as we do not want anyone taking advantage of this flexibility.

"HODs must ensure the officers are genuinely impacted and assign key performance indicators (KPIs) during the WFH period to ensure the tasks are completed without disrupting operations," he told reporters after attending an event at the Rubber Industry Smallholders Development Authority (Risda) headquarters here yesterday, as reported by Bernama.

On May 7, the Public Service Department said in a statement that civil servants likely to be affected by traffic congestion dur-

ing the Asean Summit are advised to apply ahead for WFH arrangements.

The department said that in line with the government's commitment to enhance the well-being of the people and ensuring the continuity of public services, the WFH policy would continue to be implemented flexibly, subject to existing regulations.

Wan Ahmad Dahlan said the government is still in the research phase regarding flexible working arrangements for civil servants to promote better work-life balance.

He said a study is being conducted by PSD to support those who genuinely require the option

to work from home.

"Flexible working is already widely practised in developed countries, but there is still some hesitation among employers here. This initiative aims to assist those who truly need to work outside the office.

"For instance, pregnant women whose tasks can be done from home.

"What's most important is that HODs adopt a mindset of trust towards their officers.

"When implementing such a policy, KPIs must clearly be defined. Perhaps three days working from home and two days in the office – that is the kind of

flexibility we are looking at," he said.

On another matter, Wan Ahmad Dahlan said the post of Malaysian Border Control and Protection Agency director-general is expected to be filled soon, as the candidate selection process is now in the final stage.

He said that as with appointments to several other senior positions, the selection process involves multiple screening levels before an official announcement is made.

The position has been vacant since Feb 9 following the retirement of Datuk Seri Hazani Ghazali.

THE STAR

Tarikh: 16 MAY 2025

Sultan Selangor titah tindakan tegas terhadap pemandu, syarikat cuai

SHAH ALAM - Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj menitahkan agar tindakan tegas diambil terhadap pemandu atau syarikat yang didapati bersalah menjadi punca kepada kemalangan maut.

Dalam kenyataan dikeluarkan di Facebook Selangor Royal Office, baginda menzahirkan rasa kesal kerana telah beberapa kali menyuarakan kebimbangan terhadap aspek keselamatan jalan raya terutamanya berkaitan kelemahan dalam penguatkuasaan dan sikap cuai pemandu serta syarikat pengendali kenderaan berat.

Titah baginda, hukuman lebih berat perlu dijadikan pengajaran kepada pemandu dan memberi tumpuan penuh semasa memandu.

"Sudah tiba masanya tindakan tegas diambil. Sekiranya pemandu atau syarikat didapati bersalah dan menjadi punca kepada kemalangan maut atau kecederaan parah, mereka bukan sahaja perlu didenda atau dipenjar, malah lesen memandu wajar ditarik ba-



**SULTAN
SHARAFUDDIN**

lik," titah baginda.

Sultan Sharafuddin turut menggesa agar syarikat-syarikat pengangkutan menjalankan penilaian ketat terhadap pemandu dan kelindan yang diambil bekerja serta memastikan mereka bebas daripada sebarang masalah disiplin atau rekod buruk.

"Jangan ambil mudah aspek kondisi kenderaan dan kelayakan pemandu. Semua pihak perlu serius dalam hal ini dan tidak memandang ringan perkara yang boleh

membawa kepada kecuaiannya," titah baginda.

Baginda dan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin turut menzahirkan perutusan takziah kepada keluarga dan waris sembilan anggota Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) yang terkorban dalam nahas ngeri di Teluk Intan, Perak pada 13 Mei lalu.

Baginda turut berharap dan berdoa agar tragedi seperti itu tidak akan berulang khususnya melibatkan kehilangan nyawa insan tidak berdosa yang berkhidmat untuk keamanan negara.

SINAR HARIAN

Tarikh: **16 MAY 2023**

SH
16/5

Skim Jaminan Air Mentah perkukuh operasi loji rawatan air

KUALA LUMPUR- Pelaksanaan Skim Jaminan Air Mentah oleh Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd (Air Selangor) bakal memperkukuh operasi loji rawatan air di negeri tersebut.

Inisiatif itu bertujuan memastikan kelangsungan bekalan air bersih kepada rakyat walaupun terdapat insiden pencemaran sumber air mentah.

Ketua Pegawai Eksekutif Air Selangor, Adam Saffian Ghazali berkata, projek tersebut bukan sahaja melindungi kelangsungan operasi loji rawatan air tetapi juga memperkukuh keyakinan pengguna.

Menurutnya, Air Selangor akan bekerjasama dengan kerajaan negeri dan agensi berkaitan bagi memastikan sistem tersebut berfungsi secara optimum demi kesejahteraan 9.62 juta pengguna di Selangor, Kuala Lumpur serta Putrajaya.

"Air Selangor menyambut baik projek Skim Jaminan Air Mentah ini sebagai satu bentuk kesiapsiagaan jangka panjang.

"Ia bukan sahaja melindungi kelangsungan operasi loji rawatan air kami tetapi juga



Amirudin menyemak visual terperinci pembangunan projek Skim Jaminan Air Mentah semasa sesi lawatan tapak.



Amirudin (depan, empat dari kiri) mendengar taklimat projek yang memaparkan model pelan induk Skim Jaminan Air Mentah.

memperkukuh keyakinan pengguna terhadap kebolehpdayaan sistem air di Selangor," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Sementara itu, Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Amirudin Shari berkata, pelaksanaan komponen tersebut penting dalam pelan jangka panjang untuk menangani insiden pencemaran air mentah yang pernah menyebabkan gangguan besar kepada peng-

guna sejak tahun 2020.

Menurutnya, sistem tersebut menggunakan air mentah alternatif dari kolam Horas 600 dan Kolam Hang Tuah untuk disalurkan terus ke muka sawi loji rawatan air seperti Loji Rawatan Air Rantau Panjang termasuk Air Sungai Selangor Fasa 1 (SSP1), SSP2 serta SSP3.

Ia sekali gus mengelakkan pengambilan air tercemar dari sungai.

"Skim Jaminan Air Mentah

merupakan langkah strategik dalam memastikan loji-loji rawatan air utama terus beroperasi dan bekalan air kepada rakyat tidak terganggu walaupun ketika berlaku pencemaran sumber air mentah di Sungai Selangor.

"Saya yakin dengan adanya skim ini, negeri Selangor akan lebih tangkas dan mampu mengatasi henti tugas loji rawatan air yang disebabkan oleh pencemaran sungai se-

hingga 95 peratus," katanya.

Air Selangor juga menyokong pendekatan pelbagai lapisan yang diambil kerajaan negeri seperti pelaksanaan *zero discharge policy*, prinsip *polluters pay*, dan penglibatan badan bukan kerajaan (NGO) dalam program pemantauan sungai, yang keseluruhannya membentuk sistem pengurusan air lebih mampan serta bertanggungjawab.

SINAR HARIAN

Tarikh: 16 MAY 2025

Pematuhan syariah, halal di tahap sederhana



**DR NUR AMLYA
ABD MAJID**

Pensyarah Pusat
Tamhidi, Universiti
Sains Islam Malaysia



**DR HASHIM
AHMAD SHIYUTI**

Pensyarah Pusat
Tamhidi, Universiti
Sains Islam Malaysia

Isu utama gangguan pematuhan syariah dalam industri penternakan melibatkan penyembelihan, pemakanan dan penjagaan

PEMATUHAN syariah dalam industri penternakan merujuk kepada pelaksanaan operasi, amalan dan proses yang menepati prinsip-prinsip Islam seperti yang digariskan dalam al-Quran dan sunnah.

Dalam konteks ini, ia bermaksud memastikan setiap aspek penternakan bermula daripada pemeliharaan haiwan, pengendalian makanan ternakan, penyembelihan hingga logistik dan pemasaran perlu mematuhi hukum-hukum Islam.

Elemen seperti kebersihan, mengelakkan unsur haram dan mengekalkan nilai kesucian halal menjadi keutamaan sepanjang rantai bekalan.

ALLAH-SWT berfirman dalam ayat ke-88 surah al-Maidah: "Dan makanlah daripada apa yang telah ALLAH kurniakan kepada kamu yang halal lagi baik."

Ayat ini menegaskan kepentingan memakan makanan yang halal dan baik, yang hanya boleh dicapai melalui pematuan syariah dalam setiap aspek pengeluaran makanan, termasuk penternakan.

Gangguan pematuan syariah

Bagaimanapun berdasarkan kajian yang dijalankan untuk mengenalpasti faktor gangguan rantai bekalan dalam industri penternakan, faktor tahap pematuan syariah di Malaysia masih menjadi isu yang sering dibincangkan.

Antara isu utama yang menyumbang kepada gangguan pematuan syariah ialah penyembelihan, pemakanan dan penjagaan.

Kajian mendapati purata keseluruhan pematuan syariah mencatatkan purata faktor yang rendah.

Penemuan ini menunjukkan wujudnya kelemahan yang perlu diberi perhatian oleh pihak industri, penternak dan kerajaan untuk memastikan piawaian halal dapat dipatuhi dengan lebih ketat.

Antara isu utama yang menyumbang kepada gangguan pematuan syariah ialah isu sembelihan di mana ayam sembelihan mati disebabkan *stuning* atau bertindih, campuran organ sembelihan halal dengan yang tidak halal seperti hati ayam, tempat penyembelihan ayam dan babi yang bersebelahan dan juga proses sembelihan dilakukan oleh orang yang tidak bertauliah.

Terdapat juga isu pengurusan sisa haiwan ternakan yang mana pengurusan sisa sembelihan ayam tidak diuruskan dengan sempurna seperti perut dan bulu ayam.

Terdapat juga air celuran ayam yang kotor dibuang ke sekitaran dan darah sembelihan ayam dibuang terus ke sistem perparitan yang berdekatan.

Kajian jua mendapati, pengangkutan yang digunakan untuk membawa haiwan halal juga adakalanya digunakan untuk membawa haiwan tidak halal seterusnya menjadikan logistik tidak mematuhi prinsip halal.

Di dalam proses penternakan, selain situasi pengendalian haiwan, peralatan yang digunakan dalam proses penternakan dan penyembelihan juga turut menjadi keblimbangan.

Kajian yang dijalankan menunjukkan peralatan tersebut sering bercampur dengan unsur-unsur yang mencurigakan.

Situasi ini membangkitkan persoalan tentang kesedaran pengendali industri terhadap kepentingan mematuhi syariah sepenuhnya.

Lebih membimbangkan, bekalan yang disimpan di tempat tidak bersih dan bercampur dengan haiwan haram mencatatkan tahap kebersihan yang rendah.

Malah, kajian turut mendapati sesetengah penternak kurang mengambil berat terhadap perkara yang mencurigakan sepanjang proses penternakan itu berlangsung.

Pematuhan syariah memainkan peranan penting dalam industri penternakan:

1) PASTIKAN KEHALALAN PRODUK DIHASILKAN

Ia memastikan kehalalan produk yang dihasilkan seperti daging dan susu serta memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan oleh syarak.



PENGURUSAN haiwan sembelihan yang bersih juga salah satu aspek pematuan syariah.

Proses ini termasuk cara haiwan dipelihara, diberi makanan yang halal dan disembelih mengikut hukum Islam.

2) LINDUNGI INTEGRITI INDUSTRI PENTERNAKAN SEBAGAI MAKANAN HALAL BERTARAF ANTARABANGSA

Dengan memenuhi piawaian halal, Malaysia dapat mengukuhkan reputasinya di pasaran global khususnya di negara-negara Islam yang memerlukan sumber makanan halal.

3) MEMBANTU MENGURANGKAN RISIKO PENCEMARAN

Amalan bercampur antara haiwan halal dan haram boleh menjejaskan status halal, bagaimanapun kawalan yang rapi mampu memastikan kebersihan dan keselamatan makanan.

4) MENYOKONG PERTUMBUHAN EKONOMI HALAL

Dalam konteks yang lebih luas, pematuan syariah juga menyokong pertumbuhan ekonomi halal yang sedang berkembang pesat.

Industri penternakan yang mematuhi syariah memainkan peranan penting dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara, sejajar dengan visi Malaysia untuk menjadi hab halal dunia.

Bagi menangani kelemahan yang dikenal pasti, beberapa langkah penting perlu diambil:

Kerajaan perlu memperketat penguatkuasaan terhadap pematuan piawaian halal di semua peringkat rantai bekalan, termasuk penyimpanan, pengangkutan dan penyembelihan.

Penguatkuasaan peraturan ini perlu dilirngi dengan program pendidikan dan kesedaran kepada penternak.

Program latihan yang menyeluruh dapat membantu penternak memahami kepentingan pematuan syariah dan akibatnya jika tidak dipatuhi.

Proses pemantauan dan audit halal perlu dijalankan secara berkala untuk memastikan pengamal industri mematuhi standard.

Halal logistik juga harus diberi perhatian. Pengangkutan khas yang digunakan hanya untuk haiwan halal perlu diwujudkan bagi mengelakkan pencemaran.

Penggunaan teknologi moden juga memainkan peranan penting dalam memastikan pematuan syariah.

Teknologi seperti blockchain boleh digunakan untuk menjejak rantai bekalan dan memastikan kehalalan setiap langkah.

Kesimpulannya, pematuan syariah dalam industri penternakan bukan sekadar tuntutan agama, tetapi menjadi elemen penting dalam membangunkan industri yang berintegriti dan mampan.

Dengan memastikan setiap aspek operasi memenuhi prinsip Islam, keperluan pengguna Muslim dapat dipenuhi dengan lebih baik.

Pada masa yang sama, reputasi Malaysia sebagai peneraju industri halal dapat diperkukuh di peringkat global.

Kerjasama antara kerajaan, industri dan penternak diperlukan untuk memastikan pematuan syariah menjadi keutamaan.

SINAR HARIAN

Tarikh: 16 MAY 2025



JAS tahan 38 kontena berisi e-waste

Pegawai JAS melakukan pemeriksaan pada kontena yang terlibat di NBCT pada Rabu.

Diarah hantar pulang ke negara asal

Oleh MOHD ISKANDAR OTHMAN
BUTTERWORTH

Sebanyak 38 kontena yang disyaki mengandungi sisa plastik tercemar dan bahan buangan elektrik serta elektronik (e-waste) telah ditahan di Terminal Kontena Butterworth Utara (NBCT) dalam pemeriksaan bersepadu oleh Jabatan Alam Sekitar (JAS) Pulau Pinang bersama beberapa agensi penguat kuasa lain.

INFO

- Pengimportan e-waste ke Malaysia adalah larangan bersyarat dan memerlukan kelulusan bertulis daripada Ketua Pengarah JAS, seperti yang ditetapkan di bawah Perintah Kastam (Larangan Mengenal Import) 2023.
- Jika didapati melanggar peraturan, pengimport boleh dikenakan tindakan di bawah Seksyen 34B Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, yang membawa hukuman penjara sehingga 5 tahun dan denda maksimum RM500,000.
- Malaysia juga terikat dengan Konvensyen Basel, yang mengharamkan pengimportan buangan berbahaya tanpa kelulusan.

Pengarah JAS Pulau Pinang, Norazizi Adinan berkata, pemeriksaan itu dijalankan bagi memastikan kontena-kontena yang dibawa masuk ke Malaysia mematuhi peruntukan di bawah Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 serta obligasi undang-undang antarabangsa.

Menurutnya, pemeriksaan pada Rabu melibatkan kerjasama Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, SWCorp, Majlis Bandaraya Seberang Perai dan Penang Port Sdn Bhd.

"Hasil pemeriksaan mendapati 38 daripada 39 kontena membawa campuran sisa plastik tercemar semampama sampah yang dibawa masuk ke negara ini.

"Tindakan notis arahan telah dikeluarkan di bawah Seksyen 31 dan Seksyen 37 Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 kepada pengimport dan ejen bagi arahan menghantar semula 38 buah kontena tersebut ke negara asal," katanya dalam kenyataan pada Khamis.

Norazizi berkata, ketika ini kesemua 38 kontena terbabit ditahan di NBCT, manakala satu kontena lagi yang mengandungi kepingan plastik dalam keadaan baik diserahkan kepada agensi berkaitan untuk tindakan susulan.

Beliau menjelaskan bahawa penahanan tersebut adalah tindakan terbesar bagi tahun ini oleh JAS Pulau Pinang berkaitan sisa plastik tercemar dan e-waste yang dibawa masuk ke negara ini.

"Secara keseluruhan, sebanyak



Salah satu kontena mengandungi campuran sisa plastik tercemar.

65 daripada 70 kontena telah diarahkan untuk dihantar pulang ke negara asal sepanjang tahun ini.

"Bagi tahun 2023 dan 2024, rekod menunjukkan hanya tiga kontena telah diperiksa.

"Kesemuanya diarahkan dihantar pulang atas pelbagai kesalahan termasuk membawa masuk sisa elektrik dan elektronik serta plastik tercemar," jelasnya.

Sehubungan itu, Norazizi menegaskan bahawa kerjasama semua pihak adalah amat penting bagi memastikan pengimportan sisa plastik ke Malaysia adalah terkawal, sah di sisi undang-undang serta tidak menjadi punca kepada pencemaran yang lebih serius.



MERENTAS
RUANG

SAIFUDDIN ABDULLAH

Membangun demokrasi pelbagai kaum, moderat

Tarikh 15 Mei disambut setiap tahun sebagai Hari Belia Negara. Ia bertujuan mengiktiraf peranan belia dalam pembangunan negara. Kali ini, sambutan rasminya ialah pada bulan hadapan.

Belia berperanan penting dalam pelbagai bidang pembangunan melalui ribuan organisasi sukarela yang pelbagai jenis atau bentuk (badan-badan uniform, sosio-ekonomi, agama) dan peringkat (dari sekolah, institusi pengajian tinggi hingga antarabangsa).

Badan gabungan atau induk kebangsaannya ialah Majlis Belia Malaysia (MBM) yang ditubuhkan pada 1948, iaitu sebelum penubuhan Kementerian Belia dan Sukan pada 1964.

Gerakan belia amat signifikan dalam pembangunan politik. Hampir setiap kabinet persekutuan dan negeri-negeri, parti-parti politik dan sebagainya, punya mereka yang lahir dari MBM.

Keluarga besar MBM menyediakan gelanggang latihan untuk 'aktivis politik' yang kemudiannya menjadi 'ahli politik berorientasi-aktif'. Keunikan amalan politik MBM ialah ekosistemnya, iaitu keanggotaan, kepimpinan, penyertaan, dasar-dasar, program-program dan advokasinya berciri pelbagai-kaum dan moderat.

Pada saya, ini menjadikan MBM sekolah politik Malaysia yang ampuh, khususnya dalam membangun demokrasi pelbagai kaum dan moderat, iaitu manhaj (cara) Demokrasi Malaysia yang tepat.

Dari segi Demokrasi Pelbagai Kaum, oleh kerana Malaysia negara majmuk, maka, kita berpeluang mengamalkan ajaran al-Quran, iaitu lita'arafu (saling mengenali, mengapresiasi dan bekerjasama) dan rahmatan lil 'alamin (rahmat untuk semua). Kita mesti mengukuhkan perpaduan yang komprehensif, meningkatkan inklusiviti yang substantif dan membasmi diskriminasi kaum.

Manakala dari segi Demokrasi Moderat, kita berpeluang mengamalkan ajaran al-Quran, iaitu wasatiyyah (*justly balanced, moderation, kesederhanaan, pertengahan*) dan menolak sebarang bentuk ekstrimisme. Kita mesti berada di pertengahan (*centrist*), atau bergerak ke arah itu, dan tidak berada di sisi yang ekstrem, iaitu faham politik terlalu kiri ataupun kanan.

Untuk merealisasikan demokrasi yang lebih matang ini, kita memerlukan ekosistem politik yang baharu dan segar. Kerangka lama, contohnya *consociationalism* (percaturan oleh elit politik) versi Barisan Nasional (BN) telah ditolak.

“

Kita mesti mengukuhkan perpaduan yang komprehensif, meningkatkan inklusiviti yang substantif dan membasmi diskriminasi kaum.”

Untuk bergerak ke hadapan, saya mencadangkan kerangka *centripetalism* (kerjasama semua pihak di pertengahan dan *centrist*). Dalam hal ini, ia melibatkan tiga insentif iaitu dari segi pilihan raya, perundingan dan parti politik.

Pertama, 'insentif pilihan raya', ialah keadaan di mana ahli-ahli politik berbicara bersama rakyat dan berkempen untuk meraih undi daripada pengundi pelbagai kaum, iaitu selain daripada kaumnya sendiri sahaja.

Ini akan menyebabkan beliau menyederhanakan seruan politiknya dengan menengahkan dasar-dasar dan program-program yang lebih meluas dan inklusif serta menengahkan isu-isu yang sempit dan divisif.

Kedua, 'insentif perundingan' ialah wujudnya pelbagai platform, contohnya, dialog, *town hall* dan majlis perundingan, di mana ahli-ahli politik dan semua pihak (kerajaan, perniagaan, masyarakat sivil) berbincang dan membuat persefahaman-persefahaman.

Ketiga, 'insentif parti politik' iaitu parti-parti politik menerima keanggotaan pelbagai kaum (sebagai anggota penuh atau bersekutu; atau membentuk gabungan dengan parti yang mempunyai anggota daripada kaum-kaum lain) dan ada pendirian-pendirian serta menawarkan dasar dan program yang berciri rentas kaum dan moderat.

Kesimpulannya, kita perlu membangunkan pemikiran politik dan demokrasi lebih sesuai dan segar demi masa depan Malaysia yang lebih baik.

*Datuk Seri Saifuddin Abdullah ialah Ahli Parlimen Indera Mahkota dan mantan Presiden MBM

SINAR HARIAN

16 MAY 2025

Tarikh:

5th
16/5

Malaysia terima anugerah penglibatan wanita terbaik

BERLIN (Jerman) - Malaysia menerima anugerah Pencapaian Terbaik bagi Penglibatan Anggota Pengaman wanita dalam misi pengaman Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bersempena UN Peacekeeping Ministerial 2025 di sini.

Markas Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dalam kenyataan berkata, anugerah tersebut diberikan berdasarkan penglibatan aktif anggota pengaman wanita Batalion Malaysia (MALBATT) dalam Pasukan Interim PBB di Lubnan (UNIFIL), yang memenuhi sasaran Strategi

Kesamarataan Jantina dalam kalangan Anggota Beruniform (UGPS).

Menurut kenyataan itu, Malaysia merupakan antara negara yang komited menyokong agenda Women, Peace and Security (WPS).

Setakat ini 10.5 peratus daripada keseluruhan anggota pengaman MALBATT di UNIFIL terdiri daripada wanita.

"Selain UNIFIL, ATM turut mengatur gerak anggota pengaman wanita sebagai pegawai pemerhati dan pegawai staf dalam misi MONUSCO (Misi Penstabilan PBB di Republik Demokratik Congo), MINURSO di Sahara Barat serta UNISFA di Abyei," menurut kenyataan itu.

Markas ATM turut memaklumkan bahawa anugerah tersebut adalah satu bentuk pengiktirafan antarabangsa terhadap sumbangan Malaysia dalam usaha memelihara keamanan sejagat.

Negara lain yang turut menerima anugerah itu ialah Fiji, Guatemala, Kenya, Malawi, Mongolia dan Tanzania.

Majlis penyampaian anugerah di Berlin itu turut dihadiri Ketua Staf Markas ATM, Leftenan Jeneral Datuk Azhan Md Othman bersama Penasihat Pertahanan Perutusan Tetap Malaysia ke PBB di New York, Kolonel Shamsuri Noordin.

Pada Rabu, Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin yang mewakili Malaysia dalam mesyuarat UN Peacekeeping Ministerial 2025 menegaskan komitmen berterusan negara dalam menyokong agenda WPS sejajar dengan pelaksanaan UGPS. - *Bernama*

FOTO: BERNAMA



Azhan (kanan) mewakili Malaysia menerima Anugerah Pencapaian Terbaik penglibatan anggota pengaman wanita di Misi Pengaman PBB pada Rabu.

SINAR HARIAN
Tarikh: ..16 MAY 2025.....

Cabaran guru didik murid Gen Alfa

Hadapi anak murid lahir dalam zaman limpahan maklumat media sosial

Oleh NURUL HIDAYAH HAMID
SHAH ALAM

Tanggungjawab guru utamanya daripada Generasi Z (1990-2010) dalam mendidik murid zaman sekarang semakin mencabar disebabkan pelbagai faktor antaranya perbezaan jurang umur sangat mengecil, pengaruh media sosial dan adaptasi pelajar yang lebih cepat mengikuti kemajuan teknologi.

Setiausaha Agung Kesatuan Guru Dalam Perkhidmatan Pelajaran Malaysia (Kongres), Mohd Azizee Hasan berkata, guru Generasi Z membesar dalam era teknologi namun perlu mendidik generasi Alfa yang membesar dalam dunia media sosial lebih canggih.

"Jadi, cabaran pertama membabitkan perbezaan jurang umur yang kecil antara guru dan murid yang menyebabkan pelajar kurang menghormati guru.

"Jurang umur tersebut menjadi cabaran dan menyukarkan guru menyemai nilai adab dan hormat murid terhadap mereka," katanya kepada Sinar Harian pada Khamis.

Ujarnya, generasi baharu ini juga mudah tersinggung dan cepat 'sentap' apabila ditegur, sekaligus menimbulkan satu lagi kesukaran besar buat guru.

"Mereka mudah 'koyak' bila ditegur dan akhirnya mengambil keputusan di luar kematangan. Apabila, kita beri teguran, mereka terus buat tindakan di luar kawalan tanpa fikir kesan," ujarnya lagi.

Beliau berkata, ada juga antara murid sekarang yang tidak menghormati guru dan bercakap kasar apabila berkomunikasi.

"Kemudiannya, ada murid mengeluarkan perkataan-perkataan yang tidak sepatutnya dan dibawa ke dalam dunia digital dengan memuat naik perasaan mereka di media sosial.

"Ada murid menulis di media sosial ketidakpuasan hati mereka

kepada guru terlibat," katanya.

Beliau menyifatkan, situasi yang berlaku menunjukkan batasan dan adab pelajar terhadap guru makin hilang hingga menyebabkan pelajar itu hilang hormat kepada guru.

"Jadi, kita kena lihat semula pendekatan Islam iaitu mesti menekankan soal adab sebelum kita memberikan ilmu.

"Sekiranya pelajar tidak beradab, bagaimana mereka hendak dapat keberkatan dalam menuntut ilmu? Jadi mentaliti pelajar itu kena ditanam tentang adab sebelum mereka menuntut ilmu," katanya.

Beliau yang juga Presiden Ikatan Guru-Guru Muslim Malaysia (I-Guru) turut menyentuh cabaran pengaruh luar khususnya media sosial dan pempengaruh yang menjadi ikon pelajar berbanding guru sendiri.

Mohd Azizee berkata, pelajar zaman sekarang memiliki akses kepada pelbagai maklumat me-



MOHD AZIZEE



FOUZI SINGON

lebih ilmu disalurkan guru mereka, menjadikan tugas menyampaikan ilmu secara tepat dan berkesan semakin mencabar.

Sementara itu, Setiausaha Agung Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan Semenanjung Malaysia (NUTP), Fouzi Singon berpandangan, kekurangan masa dan ruang aktiviti kokurikulum telah menyukarkan guru menerapkan nilai-nilai murni dalam diri pelajar.

Katanya, hal ini mengehadkan lagi peluang guru untuk mendidik murid secara lebih menyeluruh dari sudut sahsiah dan adab.

Menurutnya, jurang umur yang kecil pula menyebabkan ada

guru Generasi Z yang mesra dengan pelajar dan melayan mereka seperti kawan.

Bagaimana pun, tegas beliau, guru terbabit perlu menetapkan satu protokol ataupun batas dalam hubungan dengan pelajar disebabkan masih mempunyai tanggungjawab sebagai guru.

"Jikalau berlaku apa-apa perkara tidak diingini, maka ia bukan hanya akan memberi kesan kepada guru terlibat, malah profesion pendidikan," katanya.

Tambah Fouzi, cabaran dihadapi guru-guru generasi baharu bukan sahaja berkisar kepada pengajaran dan pembelajaran (PdP), malah turut merangkumi aspek pengurusan emosi, etika di media sosial serta hubungan profesional murid dan ibu bapa.

Katanya, ada dalam kalangan guru muda ingin merakam sesi pengajaran di dalam kelas tanpa memikirkan batasan yang wujud dan penggunaan media sosial secara berlebihan.

Justeru, guru-guru Gen Z perlu bijak kawal tingkah laku, tindakan dan emosi mereka dalam mendepani dunia pendidikan masa kini yang jauh berbeza berbanding zaman dulu-dulu.

SINAR HARIAN

Tarikh: ...16 MAY 2025.....

Guru Generasi Z mengajar guna teknologi moden

Tampil pendekatan
baharu lebih segar,
jadikan kelas
lebih interaktif dan
bersifat visual

Oleh **AZLEENDA
SAHALUDIN**
SHAH ALAM



ABRAHAM SOIDI



NUR AINUL NAJIAH

Tidak lagi terikat dengan kapur dan papan hitam, guru Generasi Z kini tampil dengan pendekatan lebih segar serta moden melalui kemunculan serta perkembangan teknologi yang semakin membangun.

Berbeza dengan kaedah tradisional yang hanya menumpukan pembelajaran dalam bilik darjah serta pendidikan berteraskan buku teks semata-mata, guru muda hari ini dilihat memilih mengintegrasikan elemen teknologi dan media sosial sebagai medium utama pengajaran.

Berkongsi pengalaman sebagai guru baharu, Abraham Soidi, 25, berkata, pendekatan baharu dengan menggunakan teknologi moden seperti SmartTV membantunya menjadikan kelas lebih interaktif dan bersifat visual.

Sebagai guru subjek Sains dan Biologi, beliau berkata, pembelajaran berkonsepkan ilustrasi digital mendorong murid lebih faham terhadap sesuatu topik.

"Di sekolah saya memanfaatkan penggunaan SmartTV untuk memberi gambaran lebih jelas kepada murid.

"Selain tayangan bahan visual, peranti seperti telefon pintar turut dimanfaatkan dalam sesi kuiz interaktif secara langsung menggunakan aplikasi Quizizz atau Kahoot yang disambung terus ke paparan SmartTV," katanya kepada *Sinar Harian*.



Guru Generasi Z kini tampil dengan pendekatan lebih segar serta moden melalui kemunculan serta perkembangan teknologi yang semakin membangun. - Gambar hiasan

Beliau yang baru sahaja mendapat penempatan Februari lalu berkata, pendekatan masa kini dengan menerapkan elemen gamifikasi juga menjadi antara perkara yang digunakan dalam sesi pengajaran.

"Penggunaan elemen permainan amat membantu menjadikan suasana pembelajaran lebih efektif.

"Jadi dengan menggunakan elemen gamifikasi ini mereka bukan sahaja dapat bermain tetapi dalam masa sama menimba ilmu," ujarnya.

Bagi guru praktikal, Nur Ainul Najihah Mohamad, 23, golongan pendidik muda terutama yang baru melangkah ke alam pendidikan seperti ini memikul tanggungjawab besar untuk melahirkan generasi celik ilmu dan digital selari dengan hasrat kerajaan.

"Saya sendiri menerapkan segala ilmu yang dipelajari

kepada anak murid saya dengan memanfaatkan penggunaan teknologi sebagai alat bantu mengajar," katanya.

